



■ Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain, termasuk Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam, bersiap sedia meneliti minit mesyuarat.

Di kiri, Naib Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba. Di kiri Datuk Seri Dr. Mahathir, Datuk Mustapha Jabar. Kanan: Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah. — Foto-F.K. Tham.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

LETAK JAWATAN PENERUSI

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO negeri Perak sementara Timbalannya, Datuk Musa Hitam, meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO negeri Melaka.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Wan Teh dilantik pengerusi baru negeri itu, sementara Ketua Menteri Melaka, Encik Mohamad Adib Haji Adam pula sebagai pengerusi Perhubungan Negeri yang baru.

Mengumumkan demikian setelah mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, Majlis Tertinggi juga melantik Menteri Besar Perlis, Encik Ali Haji Ahmad sebagai ketua Perhubungan UMNO Negeri menggantikan bekas Menteri Besar Datuk Haji Jaafar Hassan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Timbalan Pengerusi bagi Perhubungan UMNO Negeri Melaka akan dipegang oleh Encik Nordin Anwar sementara Timbalan Pengerusi bagi Negeri Perak dan Perlis akan diumumkan kemudian.

Datuk Seri Wan Mohamed Wan Teh dan Encik Mohamad Adib Haji Adam sebelum ini adalah Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO negeri masing-masing.